



MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berpengalaman serta berkeupayaan dan berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** di **Negeri Johor** dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi sebut harga kerja yang berikut: -

NO. SEBUT HARGA	PERIHAL SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN / TARIKH MULAI DIJUAL
MAIJ 3/901/2 (09/2026)	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH PREMIS BAITULMAL HAK MILIK MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI NO. 53 ARAS BAWAH, NO. 53 ARAS 1, NO. 54 ARAS BAWAH DAN NO. 54 ARAS 1, JALAN DELIMA, PUSAT PERDAGANGAN PONTIAN, 82000 PONTIAN, JOHOR	CIDB Gred: G1 Kategori: B Pengkhususan: B24 DAN	RM30.00 27 JULAI 2026 (ISNIN)
MAIJ 3/901/2 (10/2026)	KERJA-KERJA MENAIKTARAF DAN MEMBAIKPULIH DENGAN SEMPURNA RUMAH WAKAF HAK MILIK MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI NO 11, JALAN BUKIT KEMPAS 4/7, TAMAN BUKIT KEMPAS, JOHOR BAHRU, JOHOR	SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TAX COMPLIANCE CERTIFICATE – TCC) berstatus “PATUH”	RM30.00 27 JULAI 2026 (ISNIN)

1. Kontraktor **DIWAJIBKAN** membawa satu salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB), Johor Centre for Construction Development (JCCD), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) berstatus “PATUH” semasa pembelian dokumen mengikut perihal sebut harga yang dibeli.
2. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli pada waktu pejabat di **Ibu Pejabat Majlis Agama Islam Negeri Johor, Tingkat 5, Blok B, Pusat Islam Iskandar Johor, Johor Bahru** dari jam 9.00 pagi – 12.30 tengah hari, 2.00 petang – 4.00 petang (Isnin hingga Khamis) dan 9.00 pagi – 12.00 tengah hari, 2.45 petang – 4.00 petang (Jumaat). Sekiranya Kontraktor ingin mewakili bagi pembelian dokumen, wakil Syarikat tersebut **DIWAJIBKAN** membawa bersama **Surat Perwakilan Syarikat** dan **Cop Syarikat**. Pihak MAINJ berhak menolak pembelian dokumen tersebut sekiranya dokumen-dokumen yang dinyatakan di atas tidak dikemukakan dengan sempurna.
3. Bayaran bagi dokumen hendaklah dibuat dalam bentuk **DRAF BANK** daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia dan dibayar atas nama **BAITULMAL JOHOR**.
4. **Tarikh tutup Sebut Harga: 06 OGOS 2026 (KHAMIS)** pada / sebelum jam 12.00 tengah hari. Dokumen yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta ditulis **No. Sebut Harga dan Tajuk Sebut Harga** di sudut **sebelah kiri** sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Aras 5, Blok B, Pusat Islam Iskandar Johor, Jalan Masjid Abu Bakar, 80000 Johor Bahru**. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.

5. Pihak MAINJ tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran Sebut Harga.
6. Kontraktor menanggung sendiri semua kos yang terlibat berhubung dengan Sebut Harga yang disertainya.
7. Kontraktor juga boleh mengemukakan **Penyata Zakat Tahunan** dan **Resit Bayaran Zakat Terkini** bagi syarikat atau individu (sekiranya ada).
8. Mana-mana Kontraktor yang tidak menerima surat tawaran / panggilan daripada Pihak MAINJ dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup iklan ini adalah dianggap tidak berjaya.

Dengan perintah,



Ketua Pegawai Eksekutif,
Majlis Agama Islam Negeri Johor